YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML

Prednisolone (3.0mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML
2. Bagaimana YSP PREDNISOLNE SYRUP 3MG/5ML berfungsi
3. Sebelum menggunakan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML
4. Cara menggunakan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML
5. Semasa menggunakan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML

YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML digunakan untuk rawatan asma bronkus, penyakit alahan, penyakit reumatoid (gout artritis, rheumatoid artritis), osteoartritis, psoriasis dan penyakit inflamasi kulit lain.

Bagaimana YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML berfungsi

YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML mengurangkan atau menghalang tindak balas tisu terhadap proses keradangan, dengan itu mengurangkan simptom akibat daripada radang.

Sebelum Menggunakan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML

- *Bila tidak boleh digunakan*

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap prednisolone atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- *Sebelum menggunakan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML*

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

Bercakap dengan doktor anda sebelum mengambil YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML, jika anda mempunyai: Sklerosis sistemik (gangguan autoimun). Mengambil dos harian sebanyak 15 mg atau lebih mungkin meningkatkan risiko komplikasi serius yang dipanggil krisis renal skleroderma yang boleh menyebabkan tekanan darah anda meningkat dan mengurangkan kencing.

Bercakap dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda:

- mempunyai feokromositoma (tumor kelenjar adrenal).

Sesetengah ubat boleh meningkatkan kesan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML dan doktor anda ingin memantau anda dengan teliti jika anda mengambil ubat ini (termasuk ubat-ubatan untuk HIV seperti cobicistat).

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Penggunaan PREDNISOLONE boleh mengakibatkan kesan-kesan yang tidak dikehendaki jika diambil bersama dengan ubat yang lain seperti ubat antikonvulsan, rifampicin, cyclosporine, kortikosteroid, dadah antiradang bukan steroid (NSAIDs), antasid dan insulin. Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat-ubatan lain.

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika anda terlupa menggunakan*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Perhatian perlu diberikan jika diguna oleh pesakit dengan kegagalan jantung kongestif, diabetis melitus, osteoporosis, hipertensi, glaukoma, epilepsi dan pesakit yang mempunyai sejarah penyakit miopati steroid dan ulser peptik. Ia seharusnya digunakan secara berhati-hati di kalangan wanita mengandung dan menyusu.

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan prednisolone kerap diakibatkan oleh penggunaan secara berlebihan bagi keperluan fisiologi normal.

Kesan-kesan sampingan boleh termasuk penyekatan fungsi adrenal pituitari, gangguan cecair dan elektrolit, hiperglisemia, ulser peptik, osteoporosis, gangguan tingkah laku, obesiti sentral, jerawat dan lain-lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan YSP PREDNISOLONE SYRUP 3MG/5ML

- *Penyimpanan*

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
Simpan pada suhu di bawah 30°C.

- *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Larutan jernih berwarna merah dengan perisa ceri.

- *Bahan-bahan kandungan*
  - Bahan aktif:
    Prednisolone
  - Bahan tidak aktif:
    Sodium benzoate
    Disodium edetate
    Glycerine
    Propylene glycol
    Sorbitol
    Citric acid
    Sucralose
    Cherry flavour
    Ponceau

- *Nombor MAL*

MAL14025009AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP :
26/05/2025

Nombor siri:
NPRA(R2/1)250422/1461